Buletin

Edisi 2012

# KENCANA

INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS BATU LINTANG




*"Guru Inovatif Melonjakkan Transformasi Pendidikan Negara"*

## Sambutan Hari Guru 2012

# ISI KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Pendidikan Pergerakan | 2 |
| Persembahan & Bengkel Lagu Rakyat Sabah & Sarawak | 3 |
| English Language Arts Carnival | 4 |
| Seminar Penyelidikan Tindakan IPGKBL Tahun 2012 | 5 |
| Aktiviti Jabatan Penyelidikan & Inovasi Profesionalisme Keguruan (PIPK) IPG Kampus Batu Lintang | 5 |
| Program Belia Bersama Palestin | 7 |
| Bengkel Undang-Undang Keluarga Islam | 7 |
| Guru Pelatih Muslim Perlu Didedahkan dengan Kursus Imam, Khatib & Bilal | 8 |
| Sambutan Maulidurasul 1433H Peringkat IPG Kampus Batu Lintang | 8 |
| Kursus Praperkahwinan IPG Kampus Batu Lintang | 9 |
| Festival Kesenian Islam IPGKBL 2012 | 9 |
| Program Rehlah Motivasi Murabbi | 10 |
| Program Rehlah Menyatukan Hati | 10 |
| Karnival Matematik Tahun 2012 | 11 |
| Pameran Bahan Bengkel dan Amali Literasi Bahasa | 12 |
| Program Kemasains 2012 Laporan Kem Motivasi Sains | 13 |
| Kursus Pengajaran Berasaskan Projek | 14 |
| Pertandingan Rekacipta & Pameran Sains | 15 |
| Malam Muzikal IPGKBL Tahun 2012 | 16 |
| KAGUM Kebangsaan Perlis 2012 | 17 |
| Aktiviti Kokurikulum Tahun 2012 | 18 |
| Pameran Inovasi 2012 IPG Kampus Batu Lintang | 18 |
| Khidmat Masyarakat Pendidikan Moral | 18 |
| Aktiviti Pusat Sumber IPG Kampus Batu Lintang | 19-20 |
| Prasekolah IPG Kampus Batu Lintang & Gambar Aktiviti Sepanjang Tahun 2012 | 21 |
| Projek Terapi Berkuda Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) 2012 | 22 |
| Pendidikan Khas ke SMK Demak Baru | 22 |
| Gambar-Gambar Aktiviti 2012 | 23 |
| Aktiviti KPKI & KDP 4 Minggu dibawah Program Minggu Bahasa Melayu Kelolaan Jabatan Pengajian Melayu | 24 |


## Sidang Redaksi


**Penasihat 1**
Tuan Haji Awang Hambali bin Haji Awang Hamdan
Pengarah

**Penasihat 2**
En. Jamran bin Salam
Timbalan Pengarah

**Pengerusi**
En. Kamel bin Awang
Ketua Jabatan Pengajian Melayu

**Penyelaras / Editor**
Pn. Tay Meng Guat
Jabatan Pengajian Melayu

**Jurugambar**
En. Alexander




# Pendidikan Pergerakan

Pendidikan Pergerakan merupakan salah satu bidang dalam Pendidikan Jasmani dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah(KSSR).

Pendidikan Pergerakan terbahagi kepada empat komponen iaitu gimnastik pendidikan, gimnastik artistik, gimnastik irama, dan pergerakan kreatif. Melalui Pendidikan Pergerakan, murid-murid dapat megenali potensi tubuh badan mereka dalam melakukan pelbagai pergerakan. Pelajar secara tidak langsun akan memperoleh pemahaman tentang keadaan alam fizikal yang melibatkan perkara abstrak seperti masa, jarak, hala, bentuk, saiz, kepantasan dan hubungannya dengan pergerakan yang dilakukan.

Dalam latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru Malaysia, pelajar PPISMP Major PJ mengambil subjek ini semasa mereka berada di semester II dalam Kursus Pendidikan Jasmani Akademik I. Pelajar-pelajar perlu melalui Ujian Amali Pendidikan Pergerakan sebagai sebahagian daripada pentaksiran kursus.

Beberapa aksi pergerakan pelajar PPISMP Ambilan Jun 2011:







# Persembahan dan Bengkel Lagu Rakyat Sabah dan Sarawak

**Pada 3 Mei 2012**, suatu pementasan serta bengkel muzikal yang unik telah diadakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching anjuran Jabatan Sains Sosial di bawah Unit Muzik dengan kerjasama Jabatan Bahasa. Persembahan ini mengetengahkan muzik dari Sabah dan Sarawak yang merangkumi nyanyian lagu rakyat Kenyah dan Kadazandusun oleh Kumpulan Koir institut, diiringi alat muzik instrumental seperti sape, jatung utang dan sompoton serta seruling di samping alat muzik moden seperti piano dan gitar.
Objektif utama bengkel adalah untuk memperkenalkan lagu-lagu rakyat dari Sabah dan Sarawak kepada pelajar dan pensyarah institut dengan harapan mereka akan menggunakannya dalam aktiviti akademik dan kokurikulum.

Para pendidik di Malaysia digalakkan menggunakan pelbagai strategi untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran tetapi jarang-jarang sekali terdapat guru yang menggunakan lagu-lagu dari tanah air sebagai bahan bantu mengajar. Walaupun Sabah dan Sarawak kaya dengan muzik tradisional, lagu-lagu rakyat pelbagai kaum ini semakin pupus, kerana tidak disebarkan kepada generasi muda.
Tetamu khas untuk majlis ini merupakan kaum kerabat keluarga bangsawan Kenyah dari Long San, Ulu Baram iaitu Puan Theresa Unong Nawan dan Puan Juiana Usun Kalang yang merupakan cucu kepada mendiang Temenggong Oyong Lawai Jau, (QMC, MBE,PNBS, DYAM), Ketua Agong Kaum Kenyah dari 1948-1974, mantan senator dan ahli Dewan Undangan Negeri yang telah memainkan peranan penting dalam sejarah negeri Sarawak.

Pada pagi majlis tersebut, para hadirin yang terdiri daripada pelajar institut, pensyarah dan tetamu jemputan dihidangkan dengan pementasan 7 buah lagu Kenyah dari Ulu Baram dan 5 buah lagu Kadazandusun dari Sabah yang dipetik daripada dua naskhah buku oleh pensyarah IPG Kampus Batu Lintang. Songs from the Baram (Chong Pek Lin, 2006), and An Introduction to Selected Instrumental Ensembles and Folksongs of East Malaysia (Chong Pek Lin and Anne Anthony Lajingga). Lagu-lagu yang menawan hati penonton dan peserta termasuklah lagu sentimental Kenyah seperti Ilun Kuai and Sayang Dau Kenai Tawai, Chut Tunyang (bermaksud "pijak lumpur") iaitu lagu jenaka yang menceritakan tentang seorang jejaka yang tidak berjaya menawan hati seorang gadis, lagu Kadazan seperti Taragang Rasuk diiringi tarian Sumazau dancers.



Para peserta bengkel sedang mendengar ucapan dan taklimat



Fasilitator bengkel memberi tunjuk ajar serta membuat demonstrasi tarian



Persembahan tarian Sumazau



Tetamu khas dan Tuan Pengarah sedang menyaksikan persembahan

Pada penghujung persembahan, Puan Theresa Ubong Nawan dalam ucapan ringkas menyatakan bahawa beliau terharu dengan keindahan dan keunikan persembahan dan kagum dengan usaha yang dibuat untuk menyebarkan kebudayaan Kenyah dalam kalangan pendidik. Pengarah IPG Kampus Batu Lintang, Tn Hj. Awang Hambali Bin Hj. Awang Hamdan menyampaikan dua naskhah buku lagu tersebut kepada Pn. Theresa selaku wakil keluarga mendiang Temenggong Lawai Jau dan satu set naskhah buku juga dihadiahkan kepada Cik Molly, wakil daripada Kementerian pembangunan Sosial Negeri Sarawak.



Persembahan menggunakan alat muzik Sompoton dan gitar



Tuan Pengarah menyampaikan buku Lagu-Lagu Rakyat kepada Puan Theresa Ubong

Jabatan Sains Sosial khasnya serta IPG Kampus Batu Lintang amnya amat berbangga dengan kejayaan penganjuran persembahan dan bengkel lagu rakyat ini kerana berjaya menghimpun dan menggembelengkan tenaga dan kepakaran dalam kalangan pensyarah dan pelajar institut sendiri untuk menghasilkan suatu persembahan yang dapat dibanggakan sebagai warisan generasi muda. Persembahan dan bengkel lagu rakyat ini juga telah mendapat liputan yang agak meluas daripada media-media cetak tempatan.

# ENGLISH LANGUAGE ARTS CARNIVAL

## Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang 2012


Tuan Haji Awang meeting guests from Rajang and Tun Abdul Razak










On 14 April 2012 the English Language Unit of the Institute of Teacher Education (ITE), Batu Lintang Campus, Kuching, Sarawak organised the "English Language Arts Carnival" to introduce the use of stories, songs, action songs, rhymes, puppet theatre, reader's theatre, games and simple crafts in the Language Arts Module of the new Standard-Based Primary School Curriculum.

Teachers and pupils from the Kuching, Padawan and Bau districts, parents, lecturers and students from the ITE Tun Abdul Razak and Rajang campuses attended the carnival.

A simple ribbon cutting ceremony by the Director of the Institute, Tuan Hj Awang Hambali Bin Hj Awg Hamdan marked the start of the carnival. Also present were the Deputy Director of the Institute, En. Jamiran Bin Salam, and the Head of the Language Department Ms Fraulein Angking.

At the opening, Tn. Hj Awg Hambali expressed his support for the carnival as a means for TESL students of the institute to develop their creativity and to hone their skills at interacting with and teaching primary school pupils; as well as to develop their confidence and maturity when interacting with lecturers, teachers and parents.

Along with characters from well loved children's stories, visitors to the carnival were introduced to George the dog who had an unusual ability to swallow other animals whole and, the unlikely friendship between and elephant and a mouse whose day out at the park.

Visitors were treated to an amazing array of crafts made with paper plates – there were angels, tiaras, ducks, crabs, owls, cows and turtles. There was also an amazing collection of masks that pupils made and used for reader's theatre and role play. For a bit of a scare, there was Count Dracula and a Witch to defeat. It was indeed a day filled with fun for pupils and their teachers and parents.

Besides the various activities for children, Ms Beverley McClusky, a Training Fellow at the Institute, conducted a Creative Writing Workshop for 25 teachers.

The carnival was also supported by the Scholastic Book Club and University Book Store Kuching who set up booths with books for sale.



# Retreat Staf IPGKBL 2012



## 1.0 RASIONAL

Program ini dirangka dengan tujuan membina sikap kerjasama berpasukan dan mengekalkan kecergasan fizikal dan mental kakitangan IPGKBL agar sentiasa berada dalam keadaan yang sihat dan dapat menjalankan tugas secara berkesan, bermotivasi dan beriltizam tinggi.

## 2.0 OBJEKTIF

Program ini dirancang bertujuan bagi mencapai objektif-objektif berikut:

2.1 Membentuk semangat kerjasama berpasukan dengan menghargai sumbangan setiap ahli pasukan;
2.2 Menerapkan semangat setiakawan "Espirit de Corps" dan cintakan organisasi
2.3 Memberikan kesedaran tentang pentingnya mengamalkan budaya hidup sihat melalui aktiviti fizikal dan kecerdasan

## 3.0 TARIKH DAN TEMPOH

3.1 12 - 13 Oktober 2012

3.2 2 Hari ( Jumaat dan Sabtu )



## 4.0 TEMPAT

IPG Kampus Batu Lintang , Kuching

## 5.0 PESERTA

| | | |
|---|---|---|
| Staf Pengurusan | : | **23** orang |
| Staf Akademik | : | **111** orang |
| Staf Sokongan | : | **75** orang |
| Guru Pelatih | : | **40** orang |
| Jumlah | : | **249** orang |



# Seminar Penyelidikan Tindakan IPGK BL Tahun 2012








Seminar Penyelidikan Tindakan IPGK BL Tahun 2012 telah berjaya dilaksanakan pada 27 & 28 September 2012. Seminar ini melibatkan pembentangan kertas kerja pelajar PISMP ambilan Januari 2009. Pameran untuk Sesi Perkongsian Penghasilan ABM P&P dalam kalangan pelajar turut diadakan di Dewan Brooke. Penganjuran seminar tahun ini adalah secara berkolaborasi antara Jabatan PIPK, Jabatan Pengajian Melayu, Jabatan Bahasa (Unit Bahasa Cina), Jabatan PAIM, Jabatan Ilmu Pendidikan dan Jabatan Sains dengan kerjasama Pelajar PISMP ambilan Januari 2009, Januari 2010 dan 2011.



















## AKTIVITI JABATAN PENYELIDIKAN & INOVASI PROFESIONALISME KEGURUAN (PIPK)

### IPG KAMPUS BATU LINTANG

Jabatan PIPK telah menganjurkan beberapa aktiviti berkaitan dengan penyelidikan dan inovasi bagi Semester 2/2012. Aktiviti-aktiviti tersebut telah dikendalikan dalam bentuk kursus, bengkel, pameran dan seminar.

Kursus Mengedit dan Menerbit Artikel Penyelidikan Tindakan telah diadakan pada 6 Ogos 2012 di Bilik Bestari, IPGK BL. Kursus yang dihadiri oleh 12 orang pensyarah IPGK BL telah dikendalikan oleh Dr. Mary Wong Siew Lian dan Pn. Chuah Kim Hwa.

Bengkel Penyelidikan 2/2012 telah diadakan pada 9-11Julai 2012 di One Hotel Santubong, Kuching. Bengkel ini merupakan salah satu aktiviti membudayakan penyelidikan dalam kalangan pensyarah yang dikendalikan secara bersiri dan ini merupakan siri kedua bagi tahun 2012. Seramai 17 orang peserta dalam kalangan pensyarah dan pegawai pengurusan telah menghadiri bengkel ini. Fasilitator bengkel ini terdiri daripada pensyarah Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan IPG KBL. Bengkel ini turut disertai oleh En. Jamiran Bin Salam, Timbalan Pengarah IPGK BL yang berkongsi kajian beliau yang bertajuk "Effects of multi-level coding on data processing".

Satu Sesi Perkongsian Ilmu telah diadakan pada 4 Oktober 2012 di Bilik Latihan, IPGK BL yang dihadiri oleh 40 orang pensyarah. Turut hadir dalam sesi ini ialah En. Jamiran bin Salam, Timbalan Pengarah IPGK BL, yang berkongsi pandangannya tentang "new pedagogy" dalam ucapan beliau. Sebanyak 5 buah kertas kerja telah dibentangkan dalam sesi tersebut.







Pembentangan kertas kerja oleh para pembentang



Sesi Perkongsian "new pedagogy" dalam latihan keguruan oleh En. Jamiran bin Salam, Timbalan Pengarah IPGK BL

# PROGRAM BELIA BERSAMA PALESTIN



**Pada 23 hingga 27 April 2012,**
pihak Aman Palestin telah menganjurkan program Belia Bersama Palestin yang bertempat di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Penganjuran program ini adalah hasil kerjasama daripada pihak Biro Kerohanian, Moral dan Disiplin Jawatankuasa Perwakilan Pelajar IPG Kampus Batu Lintang dan Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) Masjid Muallimin IPG Kampus Batu Lintang serta Pertubuhan Belia Islam Nasional (PEMBINA). Program ini telah mengambil masa 5 hari berturut-turut iaitu bermula dari hari Isnin sehingga hari Jumaat.

Antara objektif utama program ini adalah untuk membantu rakyat Palestin dalam meringankan beban mereka yang berada dalam sekatan dan serangan musuh yang zalim serta menunjukkan tanda sokongan para guru pelatih dan kakitangan IPGKBL terhadap perjuangan mereka. Program ini diharapkan dapat memberi keinsafan dan menerapkan sikap ambil berat terhadap nasib rakyat Palestin yang masih belum terbela di dalam Palestin dan di Kem-Kem Pelarian di sekitarnya. Program ini juga bertujuan untuk menyemai nilai-nilai persaudaraan Islam dalam kalangan Muslimin keseluruhannya tanpa mengira bangsa dan batasan sempadan geografi. Terdapat tiga aktiviti utama yang telah dijalankan sepanjang program ini. Antaranya ialah kutipan derma ikhlas yang telah berjalan selama 5 hari termasuk kutipan solat Jumaat. Sebanyak 14 tabung telah dibekalkan oleh pihak Aman Palestin untuk mengutip derma daripada warga IPG. 10 daripada tabung tersebut telah diagihkan kepada setiap kumpulan pengajian mengikut ambilan iaitu satu ambilan pengajian mendapat satu hingga dua tabung mengikut jumlah kumpulan dalam ambilan tersebut. Manakala baki 4 buah tabung telah diletakkan di masjid, pejabat am, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan juga kafe. Sebanyak RM 945.60 telah berjaya dikutip melalui tabung yang telah diagihkan dalam kalangan guru pelatih dan juga warga Institut. Manakala sebanyak RM 420 telah berjaya dikutip melalui tabung solat Jumaat. Jumlah keseluruhan kutipan adalah sebanyak RM 1365.60.

Selain dari itu, jualan amal juga turut diadakan sepanjang program tersebut. Barang-barang yang telah dijual adalah daripada pihak Aman Palestin itu sendiri. Hasil dari jualan tersebut akan disalurkan kepada tabung Aman Palestin yang akhirnya disumbangkan kepada penduduk Islam Palestin.

Kemuncak program ini adalah Malam Belia Bersama Palestin. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan IPG Kampus Batu Lintang Encik Jamiran bin Salam. Majlis tersebut turut disajikan dengan program bual bicara mengenai isu Palestin. Program bual bicara tersebut telah berlangsung selama sejam. Selain itu, majlis tersebut turut diserikan lagi dengan persembahan deklamasi sajak dan juga persembahan nasyid daripada guru-guru pelatih. Majlis Malam Belia Bersama Palestin melabuhkan tirainya dengan acara penyampaian cenderahati dan juga sumbangan kepada pihak Aman Palestin Bhd.

Timbalan Pengarah Encik Jamiran bin Salam melawat Pameran daripada pihak PEMBINA





Keikhlasan para guru pelatih menandatangani borang kehadiran pelajar

Saudara Khusairi bin Senan merupakan wakil dari IPG sebagai panel pada program "Talkshow"





Persembahan nasyid daripada guru pelatih IPG Kampus Batu Lintang

Para hadirin dan hadirat yang hadir memeriahkan Malam kemuncak tersebut.





Encik Jamiran bin Salam merasmikan Malam Belia Bersama Palestin

Encik Jamiran bin Salam menerima c e n d e r a k e n a n g a n daripada pihak Aman Palestin Bhd.Cawangan Sarawak





Encik Jamiran bin Salam menyampaikan kutipan derma dan juga borang kehadiran kepada pengarah Aman Palestin Bhd. Encik Zainizam

## BENGKEL UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

**Pada 18 Januari 2012** bersamaan 24 Safar 1433H, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral dengan kerjasama Unit LDP IPG KBL telah menganjurkan Bengkel Undang-Undang Keluarga Islam Peringkat IPG Kampus Batu Lintang (IPGKBL) di Bilik Latihan bermula jam 8.00 pagi dan tamat jam 4.30ptg. Penceramah dalam bengkel tersebut ialah pegawai pendaftar mahkamah Syariah Jabatan Agama Islam Sarawak. Sambutan dari staf akademik dan sokongan pada kali ini amat menggalakkan. Seramai 35 orang peserta telah menghadiri bengkel tersebut. Kebanyakan peserta berasa puas hati dan mengharapkan agar bengkel seumpama ini akan dibuat dengan lebih kerap.

# Guru Pelatih Muslim Perlu Didedahkan Dengan *Kursus* Imam, Khatib & Bilal





**Pada 25 dan 26 Februari 2012,** IPG Kampus Batu Lintang telah mengadakan Kursus Imam, Khatib dan Bilal yang bertempat di Masjid al-Muallimin IPG Kampus Batu Lintang. Kursus ini adalah anjuran Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) IPG Kampus Batu Lintang di bawah kelolaan Lajnah Solat Jumaat dengan kerjasama Jabatan Pengajian Agama dan Moral (JAPIM) IPG Kampus Batu Lintang dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS). Seramai 40 orang guru pelatih dari pengajian Agama, pengajian Bahasa Inggeris, pengajian Bahasa Melayu dan pengajian Pendidikan Khas telah mengikuti kursus ini.

Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan BADAR khususnya Lajnah Solat Jumaat dalam mengendalikan aktiviti masjid yang berkaitan dengan solat Jumaat. Di samping itu, kursus ini juga bertujuan untuk melahirkan imam, bilal dan khatib yang mantap dalam kalangan guru pelatih khususnya ahli BADAR itu sendiri. Melalui kursus ini juga secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan sedia ada antara IPG Kampus Batu Lintang dengan JAIS bagi memudahkan aktiviti-aktiviti agama dijalankan.

Menurut pengarah program, Datu Muhammad Farid bin Datu Liman, kursus ini didapati amat penting kerana para guru pelatih mungkin akan ditempatkan di kawasan-kawasan yang minoriti Muslim. Maka dengan adanya kursus ini, sedikit sebanyak dapat memberikan semangat kepada mereka untuk menghidupkan masjid-masjid di kawasan tersebut seperti menjadi imam dan sebagainya.



Menurut al-Fadhil Ustaz Salehudin bin Haji Sabar dalam ucapan perasmian beliau, beliau menegaskan bahawa kursus seperti ini akan diadakan lagi pada masa akan datang agar setiap warga Muslim IPG Kampus Batu Lintang khususnya para guru pelatih Muslim mendapat pendedahan mengenai tanggungjawab sebagai imam, bilal dan Khatib. Beliau juga turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada yang terlibat dalam menjayakan kursus ini khususnya kepada pihak JAIS, BADAR dan juga JAPIM IPG Kampus Batu Lintang kerana telah bertungkus-lumus dan berpadu tenaga dalam menjayakan kursus ini.

Majlis penangguhan Kursus Imam, Khatib dan Bilal peringkat IPG Kampus Batu Lintang telah dirasmikan dengan jayanya oleh Ustaz Salehudin bin Haji Sabar, Ketua Jabatan JAPIM IPG Kampus Batu Lintang. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ustaz Morshidi bin Haji July Ketua Unit Dakwah JAIS selaku wakil pengarah JAIS dan juga En. Mustaffar bin Ahmad pensyarah dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) IPG Kampus Batu Lintang.







# SAMBUTAN MAULIDURASUL 1433H

## PERINGKAT IPG KAMPUS BATU LINTANG

**Pada 5 Februari 2012 bersamaan 12 Rabiulawal 1433H,**
Jawatankuasa Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) IPG Kampus Batu Lintang dengan kerjasama Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) sesi 2011/2012 telah menganjurkan sambutan maulidurrasul peringkat IPG Kampus Batu Lintang (IPGKBL). Sambutan pada kali ini dirasmikan oleh Pengarah IPGKBL iaitu Tuan Haji Awang Hambali Bin Awang Hamdan. Sekitar jam 7.30 pagi, semua guru pelatih muslim dan para pensyarah beragama Islam tiba di Auditorium Tun Ahmad Zabidi Adruce (TAZA).

Majlis sambutan pada hari tersebut dimulakan dengan sesi bacaan doa oleh saudara Mohd Afiq bin Salahuddin sebelum diteruskan lagi dengan persembahan berzanji dan marhaban oleh kumpulan guru pelatih KPLI J-QAF Ambilan Januari 2012 serta tetamu jemputan pada kali ini iaitu kumpulan marhaban yang dijemput khas daripada Kampung Gersik. Seterusnya, majlis diteruskan lagi dengan tayangan video berkisarkan tentang peristiwa kelahiran baginda Nabi Muhammad SAW oleh ketua lajnah Tarbiyah dan Kepimpinan BADAR iaitu saudara Hamzah Bin Masleh. Usai sahaja tayangan video, majlis seterusnya diceriakan dengan alunan puisi yang indah bertajuk 'Dia' oleh gandingan mantap daripada saudari Mayasusanti Yosep dan Nur Falahani. Sajak tersebut merupakan cetusan idea daripada salah seorang guru pelatih Pendidikan Islam IPG Kampus Batu Lintang iaitu saudari Mardhiyyah Binti Sahmilin.

Tayangan video berkisarkan tentang Perjalanan Hidup Rasulullah oleh pemenang anugerah maulidur rasul pada tahun lalu iaitu saudari Suhana Udin menjadi santapan mata para guru pelatih. Satu persembahan nasyid oleh kumpulan guru pelatih dari Pengajian Agama dan al-Quran turut dipersembahkan pada hari yang berbahagia itu. Sambutan majlis seterusnya diteruskan lagi dengan tayangan video yang seterusnya oleh seorang lagi tokoh maulidurrasul pada tahun lalu iaitu saudara Awang Ruzairi yang berkisarkan tentang 'Kewafatan Baginda Kekasih Allah' sebelum diakhiri dengan ucapan alu-aluan oleh Tn Haji Awang Hambali. Setelah sesi penyerahan cenderamata kepada Pengarah IPG Kampus Batu Lintang, alunan selawat terus bergema di Auditorium Tun Ahmad Zaidi Adruce. Para hadirin seterusnya menjamu selera sebelum majlis bersurai sekitar jam 11.30 pagi.



# Kursus Praperkahwinan
## IPG KAMPUS BATU LINTANG

Pada 7 dan 8 Julai yang lepas IPG Kampus Batu Lintang telah mengadakan Kursus Praperkahwinan yang bertempat di Masjid al-Muallimin IPG Kampus Batu Lintang. Kursus ini adalah anjuran Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) IPG Kampus Batu Lintang di bawah kelolaan Lajnah Solat Jumaat dengan kerjasama Jabatan Pengajian Agama dan Moral (JAPIM) IPG Kampus Batu Lintang dan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS). Kursus ini telah mengambil masa 2 hari iaitu pada 7-8 Julai. Seramai 222 orang guru pelatih dari pelbagai pengajian telah mengikuti kursus ini termasuk peserta luar. Antaranya ialah dari pengajian Agama, pengajian Bahasa Inggeris, pengajian Bahasa Melayu dan pengajian Pendidikan Khas.

Objektif kursus ini dijalankan adalah untuk meningkatkan kecekapan BADAR khususnya Lajnah Solat Jumaat dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti masjid. Kursus ini juga bertujuan untuk melahirkan individu yang mengetahui selok-belok dalam alam perkahwinan khususnya ahli BADAR itu sendiri di samping merapatkan lagi hubungan sedia ada antara IPG Kampus Batu Lintang dengan JAIS.






# Festival Kesenian islam IPGKBL 2012




"Keagungan Islam Inspirasi Keindahan Seni" merupakan tema Festival Kesenian Islam IPGKBL 2012 yang telah diadakan pada tarikh 7 September hingga 28 September 2012. Festival tersebut merupakan anjuran Badan Dakwah dan Rohani Masjid Al-Muallimin (BADAR), Biro Kerohanian JPP dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam dan Moral IPGKBL. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sebagai pengisian sepanjang berlangsungnya festival tersebut. Antaranya ialah Majlis Perasmian Pembukaan, Pertandingan buku Skrap, Pertandingan Bacaan Al-Quran, Pertandingan Hafazan, Sketsa Akhlak, Islamic Fashion, Karnival Kesenian Islam, Sukan Ar-Rijal & An-nisa, pertandingan Azan dan Majlis Perasmian Penutupan.

Majlis Perasmian Pembukaan telah diadakan pada tarikh 7 September bertempat di Auditorium Tun Ahmad Zaidi Adruce (TAZA) pada jam 8.30 malam. Perasmian pembukaan telah disempurnakan oleh En. Jamiran Bin Salam, Timbalan Pengarah IPGKBL. Seterusnya, pada hari yang sama juga telah berlangsung pertandingan Bacaan Al-Quran dan Pertandingan Hafazan. Terdapat 4 kategori telah dipertandingkan bagi setiap pertandingan tersebut iaitu kategori guru pelatih muslimah, kategori guru pelatih muslimin, kategori staf muslimah dan kategori staf muslim. Pada sebelah pagi 8 September telah diadakan pertandingan Futsal di bawah aktiviti Sukan Ar-Rijal, manakalan malamnya pula diperuntukkan untuk pertandingan Sketsa bertemakan "Akhlak Islamiah".

Pada 15 dan 16 September pula berlangsungnya Karnival Kesenian Islam. Pada hari pertama, aktiviti yang dijalankan adalah karnival jualan, sukan An-Nisa iaitu pertandingan bola jaring, pertandingan mewarna, bengkel Jawi, Permainan Bahasa Versi Jawi, talkshow dan Derma Darah. Islamic Fashion pula berlangsung pada jam 8.30 malam bertempat di Dewan Kuliah A. Pertandingan tersebut terbahagi kepada 4 kategori iaitu kategori guru pelatih lelaki muslim, guru pelatih lelaki bukan muslim, guru pelatih perempuan muslim dan guru pelatih perempuan bukan muslim. Pada hari kedua pula, pihak jawatankuasa telah menganjurkan pertandingan Azan.

Majlis Perasmian Penutupan Festival Kesenian Islam telah diadakan pada 28 September di Auditorium TAZA. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Ir. Datuk Haji Daud Bin Abd. Rahman, Menteri Muda Hal Ehwal Islam dan Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur Sarawak di mana beliau juga turut berbesar hati memberikan sumbangan sebanyak RM5000 kepada pihak masjid Al-Muallimin, IPG Kampus Batu Lintang. Dalam pada itu, beliau turut menyempurnakan majlis pelancaran Kamus Rofiqi IPGKBL.






# Karnival Matematik Tahun 2012



Karnival Matematik telah berjaya dilaksanakan pada 28 April 2012. Lebih kurang 250 orang murid sekolah SK dan SJK dan 100 orang guru pelatih PISMP Major dan Minor Matematik telah melibatkan diri dengan aktif dalam menjayakan kelolaan Karnival ini. Ibu bapa, guru pengiring turut hadir untuk telah memberi sokongan sepenuhnya kepada aktiviti ini.

**Dua aktiviti utama yang diadakan semasa Karnival Matematik IPGKBL tahun 2012 ialah Permainan Matematik dan Pertandingan Abakus dan Aritmetik Mental (AMA)**

**Permainan Matematik**

Pelbagai permainan matematik 'hands-on minds-on' yang melibatkan 9 topik Matematik sekolah rendah telah disediakan oleh guru pelatih. Antaranya ialah Maths Story Telling Corner, Permainan Komputer, Bengkel Kad 'Pop-Up', Tangram, Kuiz Matematik, Taman Matematik, Kad Numero, 100 Board Games, dll. Semua Permainan Matematik ini membantu memupuk pemikiran kritikal dan analitikal, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran empat operasi asas Matematik +, -, x, ÷ .

**Objektif Permainan Rekreasi Matematik adalah untuk**

- memupuk dan mempertingkat minat dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran matematik melalui permainan matematik
- memberi peluang kepada guru pelatih untuk mengendali aktiviti rekreasi matematik dengan mengaplikasikan teori ke dalam situasi sebenar



**Johan Kategori C : Daniel Kho dari St.Joseph**



**Johan Keseluruhan dimenangi oleh SJK Chung Hua No. 3**

**Pertandingan Abakus dan Aritmetik Mental (AMA)**

IPGKBL Jabatan Matematik telah mengelolakan Pertandingan Abakus dan Arimetik Mental berturut-turut selama 9 tahun bermula dari tahun 2004. Abakus dan Aritmetik Mental melibatkan kedua-dua otak kiri dan kanan dan dapat membantu mengembang dan memperkukuhkan kefahaman dan aplikasi keempat-empat operasi asas matematik iaitu +, -, x dan ÷ .

**Objektif AMA**

- Memberi motivasi kepada murid-murid sekolah rendah untuk terus mempertingkatkan penggunaan abakus dan aritmetik mental.
- Merupakan platform untuk murid-murid untuk menunjukkan kemahiran dalam penggunaan abakus dan aritmetik mental melalui pertandingan.
- Memberi peluang kepada guru-guru pelatih untuk menimba pengalaman dan kemahiran melalui pengelolaan pertandingan AMA



Gambar pertandingan Abakus dan Mental Aritmetik dan Majlis Penyampaian Hadiah







**Murid OKU didukung oleh ibu untuk menerima hadiah sagu hati**








# Pameran Bahan Bengkel dan Amali Literasi Bahasa

**Pada 26 September 2012** pelajar Program PISMP Ambilan Januari 2012 Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang telah mengadakan pameran bahan bengkel dan amali Literasi Bahasa. Pameran ini telah dilaksanakan oleh kumpulan pelajar pengajian Bahasa Melayu, TESL 1, 2, 3 dan 4 serta Prasekolah dengan kerjasama pensyarah pembimbing pengajian masing-masing.

Pameran ini berlangsung dari pukul 2.00 petang bertempat di bilik kuliah blok B. Pameran ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang iaitu Encik Jamiran. Pameran ini terbuka kepada semua warga Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang.

Tujuan aktiviti pameran ini diadakan adalah untuk mempamerkan segala bahan bantu mengajar yang telah dihasilkan semasa bengkel dan digunakan untuk amali Kursus Literasi Bahasa. Semua bahan pameran adalah 100% daripada alat bantu mengajar yang dihasilkan oleh guru pelatih sendiri. Pameran ini berakhir pada jam 4.30 petang.



# Lawatan "POW" ke IPGKBL

POW ★ MIA
YOU ARE NOT FORGOTTEN








# Kursus Pengajaran BERASASKAN PROJEK

Program Kemasains yang dikendalikan bawah Jabatan Sains IPG Kampus Batu Lintang telah mengadakan Kursus Pengajaran Berasaskan Projek untuk guru-guru Kemasains pada 19-22 Jun 2012 di Institut Pendidikan Guru Kampus Perempuan Melayu Melaka. Seramai 17 orang guru Kemasains telah menyertai kursus ini. Sesi taklimat telah dikendalikan oleh Dr. Tan Ming Tang selaku fasilitator. Aktiviti seterusnya ialah mencari rancangan mengajar yang dapat dijadikan Projek Sains bagi peringkat sekolah rendah dan diikuti dengan sesi pembentangan & soal jawab.




# Pertandingan Reka Cipta dan Pameran Sains

Program Kemasains telah menganjurkan Pertandingan Reka Cipta dan Pameran Sains pada 10 Oktober 2012 (Rabu) bertempat di Dewan Brooke, IPGKBL. Pertandingan ini dikendalikan oleh 5 orang pensyarah Jabatan Sains IPG Kampus Batu Lintang, 3 orang Pembantu Makmal sebagai Urus Setia dan 18 orang guru pelatih Kumpulan PISMP-SN Ambilan Januari 2009, IPG Kampus Batu Lintang.

Sebanyak 54 kumpulan dan 154 peserta daripada 10 buah sekolah angkat Kemasains di sekitar kawasan Kuching, Samarahan dan Padawan iaitu dari SK Landeh, SK Jalan Muara Tuang, SK Semenggok, SJK Chung Hua Bt.10, SK Rakyat Tupong, SK Kampung Rembus, SK Siol Kanan, SK Rampangi, SJK Chung Hua Rantau Panjang dan SK St James Quop telah menghantar penyertaan bagi pertandingan tahun ini.

Objektif utama pertandingan ini diadakan adalah untuk menanam minat murid yang terlibat terhadap bidang sains melalui kaedah Hands-on melalui reka cipta dan eksperimen yang dijalankan semasa pertandingan. Di samping itu, keyakinan diri peserta terlibat dapat dipupuk dengan membuat demonstrasi dan memberi penerangan mengenai reka cipta yang dihasilkan di hadapan peserta-peserta sekolah lain.

Majlis penutupan Pertandingan Reka Cipta tersebut telah dirasmikan oleh wakil Pengarah Yayasan Sarawak, Encik Syed Nizamuddin bin Syed Khassim. Encik Syed dalam ucapannya melahirkan rasa bangga terhadap kejayaan program Kemasains mengadakan Pertandingan Reka Cipta ini. Beliau turut menyatakan bahawa Pihak Yayasan Sarawak akan sentiasa menyokong pihak IPGKBL dalam apa juga aktiviti yang dijalankan di bawah Program Kemasains.



Wakil Pengarah IPGKBL, En. Razali bin Yu menyampaikan ucapan alu-aluan.

Pertandingan Reka Cipta kali ini telah dimenangi oleh Kumpulan 8 dari SJK Chung Hua Batu 10. Mereka telah berjaya mencipta inovasi daripada baju hujan dengan mencipta baju hujan yang dapat mengelakkan air hujan dari terkena kasut dan seluar panjang. Tempat kedua telah disandang oleh sekolah yang sama dengan ciptaan bekas pensil yang dicipta daripada botol air mineral.Tempat ketiga pula telah dimenangi oleh peserta daripada SK Rampangi dengan ciptaan lampu basikal mudah alih. Sebanyak 7 buah hadiah sagu hati telah berjaya dimenangi oleh sekolah-sekolah yang bertanding.



Wakil Pengarah Yayasan Sarawak, En Syed Nizamuddin Bin Syed Khassim berucap merasmikan Pertandingan Reka Cipta Sains 2012




Perasmian pembukaan pertandingan oleh Wakil Pengarah Yayasan Sarawak.

# Gambar Pertandingan Reka Cipta dan Pameran Sains



Antara tetamu yang hadir semasa pertandingan



Turut kelihatan dari kiri, En. Murugan, Tn Hj Razali Yu, Pn. Lim Poh Moy dan wakil PPD Kuching, En. Yong.





Tn. Hj Razali Yu menyampaikan hadiah penyertaan kepada peserta yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Reka Cipta.



**Kipas USB kitar semula**
ciptaan dari SK Rampangi



**Wayang gambar automatic**
ciptaan SK Jalan Muara Tuang.





Juri sedang memeriksa hasil reka cipta murid dari SJK Chung Hua Batu 10



Wakil Pengarah Yayasan Sarawak menyampaikan hadiah kepada Pemenang Pertandingan Reka Cipta 2012 iaitu murid dari SJK Chung Hua Batu 10.



Pemenang tempat Ke-3 daripada SK Rampangi dengan hasil rekaan Lampu Basikal Mudah Alih.



Pemenang tempat Ke-2, peserta daripada SJK Chung Hua Batu 10 dengan hasil rekaan 'Kotak Pensil Serbaguna'.

Malam Muzikal IPGKBL tahun 2012 telah diadakan pada 21 Oktober bermula jam 8:15 malam. Tetamu Kehormat pada malam tersebut ialah Yang Berhormat Datuk Patinggi (Dr) Alfred Jabu anak Numpang, Timbalan Ketua Menteri Merangkap Menteri Permodenan Pertanian dan Menteri Pembangunan Luar Bandar serta Yang Berbahagia Dato Sri Empiang Jabu.

Aktiviti ini merupakan aktiviti kebudayaan tahunan sejak tahun 2007 yang berkonsepkan era enam puluhan dengan temanya "**IMBAUAN JEJAK SILAM**". IPGKBL telah berjaya mengadakan Malam Muzikal pada tahun 2008 dengan temanya "**SERENTAK SEIRAMA**", Malam Muzikal 2009, "GALAXY OF STARS", Malam Muzikal 2010, "OUR HEROES" dan tema "OUR INSTITUTE – THROUGH THE YEARS" pada tahun 2011.
Aktiviti malam muzikal ini adalah selaras dengan budaya Institut Pendidikan Guru (IPG) terutamanya Budaya Estetika. Budaya estetika merujuk ekspresi dan apresiasi terhadap nilai-nilai seni, keindahan, dan keharmonian. Di samping itu, malam muzikal IPGKBL juga memenuhi matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006–2010 (PIPP), teras kedua iaitu membangunkan modal insan dan teras kelima memartabatkan profesion keguruan. Melalui nyanyian dan tarian, pelajar akan mempraktikkan sistem nilai, aspek disiplin, sahsiah, akhlak dan jati diri di samping melahirkan guru yang berkebolehan bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga bidang kokurikulum.

Aktiviti Malam Muzikal IPGKBL 2012 merupakan program kemuncak aktiviti-aktiviti kebudayaan yang telah disertai oleh pelajar IPGKBL. Malam Muzikal IPGKBL akan menyediakan arena bagi:
- Memupuk bakat dan menyepadukan kemahiran dalam bidang seni muzik, seni tari, seni persembahan, seni fesyen, tatarias dan seni visual.
- Membina keyakinan pemuzik, penyanyi dan penari untuk berada di khalayak penonton.
- Memupuk integrasi dan perpaduan antara kaum selaras dengan konsep 1 Malaysia di IPGKBL di samping menghargai kebudayaan masing-masing.
- Mengadakan platform untuk pihak pengurusan, staf akademik, staf sokongan dan pelajar bekerjasama dan berinteraksi secara informal untuk menggayakan pengalaman dan perkembangan mereka.
- Meningkatkan kemahiran staf dan pelajar dalam bidang nyanyian, muzik dan tarian

Malam Muzikal pada tahun ini bertemakan "A CELEBRATION OF JOY AND ACHIEVEMENT" yang memberi fokus kepada pencapaian dan kejayaan pelajar PISMP Ambilan Januari 2009 dan B.Ed (Tesol) IPGKBL-University of Otago Ambilan Januari 2009 yang akan menamatkan program mereka pada bulan November, 2012.

Persembahan pada malam tersebut dibahagi kepada tujuh segmen seperti berikut:-

SEGMEN PERTAMA
- Tarian Pembukaan

SEGMEN KEDUA
- Tarian Iban
- Yuan Chu De Sheng Yin
- Belaian Jiwa
- Berserara Ngau Airmata
- Jalak Lenteng
- I dream a dream
- Sonata Musim Salji
- Tarian Cina
- The One
- Tarian Rampaian Melayu
- Back to December
- Sinaran
- Tarian Bidayuh
- Wawasan Berkikis Bulu Betis

SEGMEN KETIGA
- Sedetik Lebih
- Persembahan SM Seni

SEGMEN KEEMPAT
- Tarian moden
- Anak Kampung
- He Tang Yue Se
- Wajah Kesayangan Hamba
- Chacha



# MALAM MUZIKAL IPG KBL TAHUN 2012

# KAGUM KEBANGSAAN PERLIS 2012



Augustine Bernard menerima pingat gangsa dalam acara merejam lembing



Institut Pendidikan Guru Kampus Batu lintang telah menyertai Karnival Aktiviti Gerak Kerja Kokurikulum (KAGUM) anjuran IPG Kampus Perlis dengan IPGM, bertempat di IPG Kampus Perlis, Perlis Pada 10 hingga 15 Jun 2012. Penganjuran KAGUM pada kali ini telah menggabungkan tiga gerak kerja kokurikulum iaitu olahraga, unit beruniform dan persatuan. Selain itu, terdapat juga pertandingan monodrama dan pertandingan nyanyian antara IPG. Sebanyak 27 buah IPG telah mengambil bahagian dalam semua acara yang telah dipertandingkan.

IPG Kampus Batu Lintang telah menghantar 27 orang atlit olahraga, 10 orang peserta unit beruniform, 2 orang peserta monodrama dan seorang peserta untuk pertandingan nyanyian. Dalam acara olahraga, pasukan IPG kampus Batu Lintang telah mendapat 4 pingat secara keseluruhan iaitu 1 perak dan 3 gangsa. Lydia Chinda Awel berjaya merangkul pingat perak bagi acara rejam lembing kategori wanita, manakala 3 lagi pingat gangsa disumbangkan oleh Augustine Bernard dalam acara rejam lembing kategori lelaki, Tan Kian Hoe dalam acara 5000 meter jalan kaki kategori lelaki dan Wendy Wong bagi acara lompat tinggi kategori wanita. Keputusan lain dalam acara 200m akhir, Nur Hazzakinah Binti Jumaat telah mendapat tempat ke-4, Mohd Termizi Bin Jamain dalam acara 400m akhir dan Mohammad Hafiq Bin Weini dalam acara lompat tinggi kategori lelaki akhir masing-masing mendapat tempat ke-5.

Sementara itu dalam kaetgori unit beruniform, seramai 10 orang guru pelatih bersama seorang pengurus pasukan telah mengikuti perkhemahan selama 6 hari 5 malam. Antara unit beruniform yang terlibat ialah Pandu Puteri Kadet (PPK), Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM), Persatuan Pengakap, Pergerakan Puteri Islam Malaysia (PPIM) dan Kadet Remaja Sekolah (KRS). Setiap Unit Beruniform diwakili oleh dua orang guru pelatih daripada setiap IPG.





Bagi pertandingan nyanyian solo IPG Kampus Batu Lintang diwakili oleh Robbyyatun Addawieyah Bt A.Jamil. IPG Kampus Batu Lintang dan telah mendapat tempat ke-4. Manakala dalam pertandingan monodrama IPG kampus Batu Lintang diwakili oleh Norhadi Anwar Bin Tamit dan Mohammad Habibullah Bin Abu Seman. Peserta monodrama telah menunjukkan pesembahan yang menarik.

Walaupun IPG kita hanya mampu mendapat 4 pingat secara keseluruhannya, namun semua amat berpuas hati dengan pencapaian pada KAGUM kali ini. Sepanjang berlangsungnya KAGUM, pasukan dari IPG Kampus Batu Lintang menunjukkan komitmen yang amat tinggi dan displin yang amat baik. Syabas diucapkan, semoga IPG Kampus Batu Lintang akan dapat melakarkan pencapaian yang lebih baik pada KAGUM yang akan datang.









# AKTIVITI KOKURIKULUM TAHUN 2012

| BIL | AKTIVITI | TARIKH | TEMPAT | BIL PESERTA |
|---|---|---|---|---|
| 1 | KOT IPGKBL | 7 & 8 MAC | Padang Jubli | 325 |
| 2 | Kursus Kepegawaian Olahraga Gred 3 | 17, 18 & 20 APR | IPGKBL | 153 |
| 3 | Peperiksaan Kepegawaian Olahraga Gred 3 | 28 APR | IPGKBL | 153 |
| 4 | Pertandingan Bola Jaring Liga Sukan Bhg. Kuching | 19 MEI | Kompleks Belia & Sukan | 30 (3 pasukan) |
| 5 | KAGUM IPG | 9 – 14 JUN | IPGK Perlis | 48 |
| 6 | Pertandingan SAFARI | 7 JUL | Sg. Giam Padawan | 16 |
| 7 | Pertandingan Hoki | 22 SEPT | IPGKBL | 45 |
| 8 | Pertandingan Bola Jaring Liga Sukan Peringkat Negeri | 29 SEPT | Kompleks Belia & Sukan | 10 |
| 9 | Pertandingan Bola Jaring Piala Bumiputera | 30 SEPT | Stadium SESCO Bintawa | 10 |
| 10 | Kursus Sofbol | 13 OKT | IPGKBL | 16 |
| 11 | Pertandingan Futsal | 13 OKT | Arena Stakan | 50 |
| 12 | Klinik Asas Sofbol | 20 OKT | SMK Green Road | 40 |
| 13 | Kursus Bola Baling | 22 – 24 OKT | BPG | 24 |

# PAMERAN INOVASI 2012

## IPG KAMPUS BATU LINTANG

Tarikh : 27 dan 28 September
Masa : 7:00 pagi hingga 1:00 petang
Tempat : Dewan Brooke, IPGKBL
Peserta yang terlibat : Pelajar Ambilan Januari 2009 Kumpulan PA, BM, Pemulihan, BC dan PK





# Khidmat Masyarakat

## PENDIDIKAN MORAL



Pada 28 Ogos yang lalu, kelas gabungan moral iaitu PPISMP BI SK 3 dan PPISMP BI SK 4 telah mengadakan projek khidmat masyarakat di Pusat PDK Pibakat, Kuching.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah permainan seperti "Mengutip Bola Berdasarkan Warna", "Memancing Botol" dan "Kerusi Berirama" dan nyanyian lagu-lagu patriotik



# AKTIVITI PUSAT SUMBER IPG KAMPUS BATU LINTANG

1. Aktiviti : Bacaaan Kegemaran Saya
   Tarikh : 27 Julai 2012
   Tempat : Dewan TAZA
   Penyertaan : Wan Shafika Binti Omar (PISMP BI 4 Januari 2012)

2. Aktiviti : Pameran Hari Seniman
   Tarikh : 11 - 29 Jun 2012
   Tempat : Ruang Pameran Perpustakaan



3. Aktiviti : Lawatan dari IPG Keningau
   Tarikh : 14 Jun 2012
   Tempat : Pusat Sumber



4. Aktiviti : Pameran Bulan Kemerdekaan
   Tarikh : 16 Ogos 2012 – 16 September 2012
   Tempat : Pusat Sumber




5. Aktiviti : Pameran Bertema
   Tarikh : Jan – Nov 2012
   Tempat : Pusat Sumber



| | | |
|---|---|---|
| 6. Aktiviti | : | Lawatan ke Dewan Undangan Negeri Sarawak |
| Tarikh | : | 04 Oktober 2012 |
| Penyertaan | : | 4 orang pegawai pengiring dan 40 guru pelatih |





**PROGRAM LITERASI MAKLUMAT**

- Aktiviti ini dilaksanakan pada 10 -13 Jan 2012, bertempat di Pusat SUmber, IPG Kampus Batu Lintang.
- Aktiviti ini memberi pendedahan kepada pelajar cara menjaga buku dengan baik serta menyusun buku mengikut prosedur yang ditetapkan. Kumpulan yang terlibat dalam aktiviti ini adalah PSIMP Jan 2012.
- Aktiviti ini dikendalikan oleh Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan.






**LAWATAN OLEH OTAGO UNIVERSITY**

- Lawatan daripada dua orang pegawai dari Otago University iaitu Prof. Dr. Lisa Smith dan Mdm. Sharon Young pada 15 Februari 2012 ke Pusat Sumber IPG Kampus Batu Lintang.
- Tujuan lawatan tersebut adalah untuk memastikan bahan yang dihantar sudah diterima, dan diguna oleh pelajar sepenuhnya.






# PRASEKOLAH IPG KAMPUS BATU LINTANG

Sepanjang tahun 2012, Prasekolah IPGKBL telah berjaya melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah dirancangkan dalam Perancangan Tahunan 2012. Butiran bagi setiap aktiviti adalah seperti berikut:

| Bil | Jenis Aktiviti | Tarikh | Catatan |
|---|---|---|---|
| 1 | Pendaftaran murid Prasekolah | 04.01.12 | 22 orang murid<br>(orang murid 15 tahun)<br>(orang murid 7 tahun) |
| 2 | Mesyuarat Permaufakatan dan Waris | 11.02.12 | Perjumpaan dengan Ibubapa murid dan membincang merancang aktiviti.<br>Merancang lawatan. |
| 3 | Hari Jadi Murid<br>Hari Guru | 24.06.12 | Perayaan Hari Jadi murid dari bulan Jan-Jun 2012. |
| 4 | Perkhemahan kanak-kanak di hadapan TAZA | 19.06.12 | Aktiviti di luar bilik P&P. |
| 5 | Hari Sukaneka | 12.07.12 | Diuruskan oleh pelatih<br>PISMP-PRA(Amb. 2012) |
| 6 | Lawatan ke (TUDM) Tentera Udara DiRaja Malaysia) | 18.07.12 | Aktiviti di luar bilik P&P. |
| 7 | Lawatan ke Pameran Seni Visual<br>Dewan Brooke IPGKBL | 18.09.12 | Pameran Pen. Seni Visual<br>PPISMP Pen. Khas.<br>Aktiviti di luar bilik P&P. |
| 8 | Pertandingan Mewarna | 20.09.12 | Menarik minat dan mencungkil bakat murid. |
| 9 | Hari Potensi | 27.09.12 | Mencungkil bakat murid. |
| 10 | Majlis Penyampaian Sijil/Hadiah murid 2012 | 20 .10.12 | Dibantu oleh guru pelatih kump.<br>PISMP-Pra Amb. 2012 |

## GAMBAR-GAMBAR AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2012



**Pendaftaran murid Prasekolah**



**Program Khidmat Masyarakat**



**Mesyuarat Permuafakatan IbuBapa/Waris Kanak-Kanak (11.02.2012)**



**Projek Amali PISMP-Pra(3102) - 9,11,16,18 April 2012**



**Baris Pertama dari kiri:**
Amirun, Ally, Hakim, Pn. Rabuyah bt Bajet (Guru Pra), Pn Juma'ah bt. Abol (Pembantu),
En. Mohd. Hamdan (Pengerusi JK Permaufakatan & Waris Murid),
Pn. Roseline Liu (Pem. Penyelaras), Pn. Ivy Teo (KJ Ilmu Pendidikan),
Cik Fatmah bt. Bustaman (Penyelaras), Ustaz. Mohd. Shazni (Guru Agama), Wan Imran, Shamira, Nusuci dan Nurul Areefa.

**Baris Kedua dari kiri:**
Wafiy, Sallahuddin, Afifah, Celsilia, Ammar, Aidrian, Aina, Nuraleeya, Ezzul Dayana, Fikry dan Nufin.

# Projek Terapi Berkuda

PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (PPKI) 2012



Peserta mengawal keseimbangan badan semasa menunggang kuda

Projek Terapi Berkuda PPKI telah Berjaya dianjurkan pada 24 Mac 2012. Projek ini telah dilaksanakan di SK Jalan Arang hasil usaha kerjasama Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang dengan SK Jalan Arang. Peserta projek terdiri daripada guru-guru, guru pelatih dan pembantu pengurusan murid (PPM) yang berjumlah 55 orang.

Program ini dirancang berdasarkan kesedaran bahawa terapi berkuda khusus untuk warga pendidik dan murid bermasalah pembelajaran adalah amat perlu. Program ini berjaya dijalankan dengan lancar atas minat untuk mendalami kemahiran terapi berkuda dan mengambil kira aspek keperluan murid bermasalah pembelajaran. Idea yang dicetuskan oleh Dr. Haji Rosana Awang Bolhassan dan Encik Yusop Bin Malie selaku pensyarah IPG Kampus Batu Lintang telah disokong penuh oleh Encik Thalasa bin Umik selaku Guru Besar SK Jalan Arang dan Encik Amir Mahmud selaku penyelaras PPKI.

Taklimat ringkas telah disampaikan oleh Encik Amir Mahmud selaku penyelaras PPKI. Ceramah telah disampaikan oleh Encik Adi Bin Sabi dari Majlis Equin Malaysia. Ceramah yang disampaikan oleh beliau dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pengenalan kuda, pengendalian dan ciri-ciri keselamatan dan praktikal berkuda. Di samping itu, peserta didedahkan dengan cara pengendalian kuda sama ada sebelum, semasa dan selepas menunggang kuda. Setiap peserta juga diberi peluang untuk menunggang kuda yang disediakan sebagai latihan praktikal.



Ucapan daripada wakil IPG Kampus Batu Lintang



Pensyarah menyampaikan cenderamata kepada Guru Besar



Cara pengendalian kuda



Penceramah berkongsi maklumat dengan peserta

## AKTIVITI PENDIDIKAN KHAS KE SMK DEMAK BARU

Pada 20 Julai 2012 bersamaan hari Jumaat, seramai 41 orang pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang yang terdiri daripada 20 orang pelajar Pengajian Pendidikan Khas Ambilan Januari 2010 dan 21 orang pelajar Pengajian Pendidikan Khas Ambilan Januari 2011 telah menyertai kursus manik di Sekolah Menengah Kebangsaan Demak Baru. Pensyarah pengiring yang terlibat sama ialah Encik Yusop Malie dari Jabatan Ilmu Pendidikan.

Objektif utama aktiviti ini diadakan ialah bagi memberi pendedahan kepada guru-guru pelatih berkenaan penghasilan produk-produk kraftangan oleh pelajar berkeupayaan istimewa. Guru-guru pelatih juga diajar tentang cara-cara membuat produk kraftangan menggunakan manik.

Setibanya kami di perkarangan sekolah, kami dibawa ke bilik mesyuarat Pendidikan Khas untuk sesi suai kenal dengan warga pendidikan khas di sekolah tersebut. Kemudian, kami diberi taklimat berkenaan aktiviti-aktiviti yang telah oleh pihak pendidikan khas sepanjang tahun 2012. Terdapat pelbagai aktiviti yang telah dijalankan. Antaranya, lawatan, terapi, sukan, dan perjualan barangan kraftangan.

Kemudian, kami telah menerima sedikit taklimat oleh guru bertugas berkenaan pembahagian tugasan kursus manik. Kami telah dibahagikan kepada 2 kumpulan besar. Berdasarkan pemerhatian kami, kebanyakan murid pandai membuat kraftangan menggunakan manik. Bukan itu sahaja, malahan kraftangan yang mereka hasilkan banyak menarik perhatian orang-orang luar yang telah melawat orang tersebut.

Kami telah menerima tutorial penghasilan barangan daripada pelajar pendidikan khas sekolah itu sendiri. Mereka telah menunjukkan cara-cara mengikat manik dengan menggunakan tali tasi. Pada awalnya, kami menghadapi kesukaran untuk menghasilkannya namun kami tetap berusaha mempelajarinya sehingga berjaya. Sebahagian daripada kami telah berjaya menghasilkan sarung telefon bimbit.

Aktiviti kami tamat pada pukul 11.00 pagi dan pulang ke Institut.





## *Minggu Pengurusan* Pelajar Baharu 2012





## *Kursus Art Therapy*



## *Majlis Watikah Perlantikan* JPP 2012/2013



## Majlis Bersama Rektor Datuk Dr. Haili



## *Lawatan Rombongan* IPG KAMPUS PULAU PINANG



Aktiviti

# KPKI & KDP 4 Minggu

di bawah Program MBM Kelolaan Jabatan Pengajian Melayu











